

# UPM anjur Simposium Antarabangsa Pelajar Pertanian

**SERDANG** Seramai 200 pelajar dari lima buah universiti tempatan dan antarabangsa akan menghadiri Simposium Antarabangsa Pelajar Pertanian 2009 (IASS 2009) yang akan diadakan pada 4 hingga 13 Januari ini di Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Simposium yang pertama kali diadakan itu adalah anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Pertanian (Permatani) dan Fakulti Pertanian UPM.

Ia mendapat kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Persatuan Pelajar Pertanian dan Sains Berkaitan Antarabangsa dan Tabung Haji Plantations Berhad.

Fokus simposium tersebut adalah pendidikan pertanian, makanan, keusahawanan dan ekonomi, teknologi alam sekitar dan pertanian.

Di akhir simposium, objektif untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman di kalangan pelajar pertanian dari seluruh dunia diharapkan dapat dicapai.

Dengan itu, satu bentuk kerjasama dalam membentuk jaringan antarabangsa antara semua yang terlibat akan dapat direalisasikan, selain menggalakkan persefahaman berkaitan dengan khazanah pertanian dan budaya antarabangsa di kalangan negara peserta.

Selain UPM, universiti yang akan menghantar peserta ke simposium itu ialah Universiti Malaysia Sabah; Universiti Kasetsart, Thailand; Universiti Niigata di Jepun dan Universiti Pertanian Bogor, Indonesia

Majlis pembukaan akan disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed pada 6 Januari manakala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron akan melakukan upacara penutup.